



## **SIARAN AKHBAR**

---

## **PRESS STATEMENT**

S.A. 2016/01/04(HQ)

### **PROJEK MESRA RAKYAT TNB PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG**

Kehidupan Mah Guan Hung, kini lebih selesa, setelah **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** membaik pulih kediamannya di Kampung Nelayan, Teluk Kumbar, Bayan Lepas, Pulau Pinang menerusi Projek Mesra Rakyat (PMR) 2016.

Mah Guan Hung, 37, bekerja sebagai pemandu pelancong. Beliau tinggal bersama adik lelaki berusia 20 tahun.

Melalui PMR, rumahnya yang uzur berwajah baru hasil dari kerja-kerja pembaikan menggantikan dinding papan yang rosak dan membuat pendawaian elektrik. Di samping itu, kerja-kerja mengecat semula dinding rumah serta menggantikan atap atau bumbung zink yang lama kepada yang baru.

Rumah Mah Guan Hung yang siap dibaiki dirasmikan hari ini oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Bayan Lepas, Nordin Ahmad.

Pengurus Besar Negeri (Pulau Pinang), Bahagian Pembahagian TNB, Ir. Mohamed Ghous Ahmad dalam ucapannya berkata projek adalah susulan daripada saranan kerajaan supaya Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) memainkan peranan dalam membantu kerajaan untuk membaiki kediaman golongan sasaran.

Golongan sasaran ini antaranya penduduk miskin luar bandar, ibu tunggal dan warga emas. Sejak tahun 2013 sebanyak 72 buah rumah telah dibaiki melalui Projek Mesra Rakyat di 12 buah negeri di Semenanjung Malaysia. Pada tahun 2016 sebanyak 24 buah rumah lagi akan dibaiki.

**Dikeluarkan di Pulau Pinang, pada 8 Januari 2016**

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi YM Tengku Hazman (019-4458550) /  
En Mohd Daud Manap (016-307088)*

[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)